



conference proceeding



SIMPORIUM NUSANTARA⁹

THE 9TH REGIONAL SYMPOSIUM OF THE MALAY ARCHIPELAGO
Revisit Islamic Civilization and Built Environment In The Malay World

11 & 12 December 2012
Al-Khawarizmi Lecture Hall
UiTM(Perak)

Organized by:
Centre for Knowledge & Understanding of Tropical Architecture & Interior (KUTAI)
Centre for Islamic Thought & Understanding (CITU)
Centre for Architecture, Planning & Surveying (FSPU)
Faculty of Architecture, Planning & Surveying (FAPS)
Universiti Teknologi MARA (Perak)
<http://perak.uitm.edu.my/simpora9>



KUTAI



FSPU

PAPER CODE: EP344

ANALISIS DESKRIPTIF TERHADAP TAHAP KEFAHAMAN DAN KESEDARAN PEMAKANAN HALAL: KAJIAN KES DI EMPAT (4) BUAH SEKOLAH RENDAH DI NEGERI PERAK

Azilawati Azizan, Nor Liza Saad, Norleha Mohammad, Mazlah Yaacob, Nurkhairizan Khairudin

*Universiti Teknologi MARA (Perak), Malaysia
azila899@perak.uitm.edu.my*

Abstrak

Kajian ini dilakukan untuk menganalisa tahap kefahaman dan kesedaran terhadap pemakanan halal dalam kalangan pelajar tahap dua sekolah rendah di negeri Perak. Selain itu, faktor-faktor yang mempengaruhinya juga turut dikenalpasti. Kaedah kajian yang digunakan adalah soal selidik yang terdiri daripada empat bahagian utama iaitu demografi, pemahaman konsep, kesedaran memilih dan faktor yang mempengaruhi pemilihan makanan halal. Data yang dikumpul dianalisis secara diskriptif menggunakan perisian IBM SPSS Statistics 20. Melalui kajian ini didapati tahap kesedaran pelajar sekolah rendah agak tinggi, namun tahap kefahaman masih rendah. Kajian ini mendapati perbezaan yang sangat signifikan antara pelajar-pelajar berlainan sekolah tentang kesedaran memilih makanan halal ($p < 0.01$), namun tiada perbezaan antara sekolah dari aspek pemahaman konsep makanan halal ($p > 0.01$). Di samping itu faktor ibu bapa dan guru sangat besar dalam memperkenalkan makanan halal dan juga yang menentukan pemilihan makanan halal untuk pelajar. Malah kajian juga menunjukkan bahawa ibu bapa merupakan sumber paling berkesan bagi mendapatkan maklumat pemakanan halal. Selain daripada itu, televisyen dan internet pula merupakan media yang paling banyak digunakan oleh pelajar untuk mendapatkan maklumat mengenai halal. Hasil kajian ini dapat membantu pihak bertanggungjawab dalam meningkatkan kesedaran dan kefahaman pemakanan halal kepada umat Islam sejagat bagi melahirkan generasi yang hebat serta menonjolkan Malaysia sebagai hub halal global yang disegani.

Kata Kunci: makanan halal; pelajar sekolah rendah; tahap kefahaman halal; tahap kesedaran halal

1. PENGENALAN

Dewasa ini konsep halal telah mendapat perhatian bukan sahaja di Malaysia bahkan juga dunia. Contoh kesedaran pengguna terhadap makanan halal adalah dengan peningkatan secara mendadak dalam jualan di premis makanan halal di Moscow, Rusia daripada USD45 pada tahun 2004 kepada USD70 juta pada 2006 dan jumlah ini dianggarkan akan terus meningkat ke USD100 juta pada tahun 2008 (Golnaz, 2010). Berdasarkan situasi ini, konsep halal bukan lagi sekadar suatu pernyataan hukum syarak, bahkan telah mewujudkan satu fenomena peluang dagangan yang merangsang perkembangan ekonomi ummah. Menurut Yuhanis (2012), pertumbuhan pasaran halal menunjukkan potensi yang sangat signifikan untuk pasaran antarabangsa, bukan sahaja di negara-negara Islam, malah juga di barat yang mana populasi masyarakat Islam semakin berkembang pesat selari dengan kesedaran halal. Situasi ini telah menjadikan perdagangan halal sangat berpotensi untuk menjangkau sehingga ke angka ratusan juta USD dalam setahun.

Malaysia merupakan sebuah negara Islam dinamik dan menjadi ikon kepada negara-negara lain dalam bidang halal. Berdasarkan pertambahan jumlah penduduk dunia yang mencecah 2 bilion orang yang mana majoriti terdiri daripada umat Islam, nilai pasaran halal global bagi makanan halal boleh mencecah USD560 bilion setahun. Namun demikian, kesedaran dan kefahaman masyarakat Islam di Malaysia sendiri dalam aspek halal masih menjadi tanda tanya ramai pihak. Berdasarkan hasil kajian yang telah dilakukan oleh Abdul Basit (2010), logo halal perlu disahkan dan dipamerkan pada produk-produk makanan. Di negara kita tidak semua produk dicatatkan isi kandungannya dengan jelas dan tidak semua mempamerkan logo halal yang sah. Situasi ini menjadikan keadaan lebih rumit untuk memilih makanan yang halal lagi baik. Bagi umat Islam yang benar-benar faham dan mengambil berat isu ini, mereka akan mengambil langkah berjaga-jaga semasa membuat pilihan makanan. Namun, adakah keprihatinan dan kesedaran ini wujud pada peringkat pelajar sekolah rendah? Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap

kesedaran pelajar sekolah rendah terhadap makanan halal dan faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan makanan halal.

2. KONSEP PEMAKANAN HALAL

Konsep halal yang digariskan oleh Islam adalah merangkumi skop yang amat luas. Istilah halal itu sendiri merujuk kepada sesuatu yang dibolehkan atau dibenarkan oleh syarak untuk bermuamalah, memakan, menggunakan dan sebagainya. Al-Qaradhawiyy (1994) mendefinisikan halal sebagai sesuatu yang diharuskan, terungkai padanya ikatan larangan dan diizinkan oleh syarak untuk melakukannya. Bertentangan dengan halal, haram iaitu sesuatu yang ditegah oleh syarak bagi seluruh umat Islam. Oleh itu syariat telah meletakkan konsep halal ini sebagai landasan dan panduan kepada orang-orang Islam dalam segenap aspek kehidupan seperti halal dalam transaksi jual beli, pergaulan, pemakanan dan sebagainya (Wan Asma, 2010).

Makanan akan membentuk darah daging pada tubuh badan yang akan mempengaruhi tingkah laku dan akhlak seseorang. Menurut Lokman Abdul Rahman (2009), terdapat empat kesan secara langsung apabila mengambil makanan halal iaitu memberikan ketenteraman jiwa, membina sikap dan semangat juang yang tinggi, membersihkan hati dan menjaga lidah, dan doanya dimakbulkan. Terdapat beberapa keterangan bersandarkan kepada Rasulullah S.A.W mengenai keburukan atau *mafsadah* yang menimpa mereka yang memakan makanan yang haram. Sabda Rasulullah SAW bermaksud:

1. "Setiap daging yang tumbuh daripada sumber yang haram, maka api nerakalah yang lebih utama baginya."

(Riwayat Al-Imam Ahmad)

Sifat makanan yang baik menurut Ibn Kathir ialah makanan yang sesuai dengan selera serta tidak mendatangkan keburukan kepada agama, tubuh badan dan akal fikiran. Manakala Imam al-Qurtubi pula menjelaskan konsep rezeki yang halal lagi baik dari surah al-Baqarah:172, sebagai makanan yang memberi manfaat dari segala sudut (Mohd Yadman, 2009). Bagi umat Islam isu halal dan haram dalam pemakanan merupakan isu yang amat sensitif. Oleh kerana makanan merupakan keperluan asas dalam kehidupan manusia maka Islam amat mengambil berat terhadap isu pemakanan. Sesuatu makanan dikategorikan sebagai halal apabila penghasilannya daripada bahan mentah, komponen bahan-bahan, aditif serta pemrosesannya berasaskan panduan yang ditetapkan oleh syarak. Oleh itu, ia merangkumi aspek penyediaan, pemprosesan, penyimpanan, pembungkusan, pengendalian dan pengangkutan yang menepati syariat (JAKIM, 2012). Secara umumnya Islam mengharuskan memakan semua makanan yang baik dan mengharamkan memakan makanan yang jijik dan kotor (*khabaith*). Piawai pemakanan yang baik bagi umat Islam dinyatakan sebagai *halal toyyiba* sebagaimana firman Allah S.W.T yang bermaksud:

- "Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu"

(Al-Baqarah: 168)

Makanan yang haram menjadi punca mengalirnya darah yang haram dalam tubuh badan seseorang. Abu Hurairah berkata Rasulullah SAW pernah bersabda yang bermaksud:

- "Wahai manusia, sesungguhnya Allah itu baik, tidak menerima melainkan yang baik. Dan sesungguhnya Allah telah memerintahkan kepada orang-orang mukmin dengan apa yang telah diperintahkan ke atas para rasul yang diutuskan. Firman Allah; (wahai Rasul-rasul, makanlah dari benda-benda yang baik lagi halal dan kerjakanlah amal-amal soleh; sesungguhnya Aku Maha mengetahui akan apa yang kamu kerjakan). Firman Allah; (wahai orang-orang yang beriman! makanlah dari benda-benda yang baik (yang halal) yang telah kami berikan kepada kamu). Kemudian Rasulullah SAW menyebutkan perihal seorang lelaki yang telah merantau jauh, kusut masai dan berdebu, sambil menadahkan kedua tangannya ke langit (memohon doa): "Ya Tuhan ku, Ya Tuhan ku", sedangkan makanannya haram, minumannya haram, pakaiannya haram (dan sarapannya). Bagaimana (dengan demikian itu) doanya boleh dimakbulkan (oleh Allah SWT)"

(Riwayat Muslim)

Lantaran kepentingan aspek halal dalam pemakanan, Rasulullah SAW mewajibkan setiap umat Islam mencari hanya yang halal dalam kehidupan ini. Anas bin Malik meriwayatkan dalam sebuah hadis hasan bahawa Rasulullah SAW bersabda maksudnya:

“Mencari yang halal adalah suatu kewajipan ke atas setiap Muslim”
(Diriwayatkan oleh al-Thabarani)

Keterangan daripada al-Quran dan al-Sunnah ini menunjukkan bahawa Islam amat menitik beratkan persoalan halal dan haram bagi manusia. Oleh itu, setiap orang Islam harus turut mempercayai dan meyakini bahawa setiap pengambilan yang halal akan memberi kesan baik kepada mereka manakala perkara yang haram pula akan membawa kepada kerosakan dan kerugian. Keterangan nas ini amat signifikan dihayati dalam mendepani fenomena sosial semasa terutama dalam kalangan remaja. Keterlibatan remaja dalam gejala negatif amat membimbangkan lantaran itu penyelesaian juga harus dilihat dari pelbagai dimensi. Salah satu yang penting ialah menjaga pemakanan. Justeru usaha memberikan kefahaman dan kesedaran halal sebagai cara hidup perlu diperluaskan lagi. Pendidikan halal harus bermula daripada institusi keluarga dengan memberikan kesedaran dan kefahaman tentang konsep halal seawal usia kanak-kanak. Seterusnya peranan harus dimainkan juga oleh institusi pendidikan formal seperti sekolah di samping peranan masyarakat, media massa dan lain-lain.

3. OBJEKTIF KAJIAN

Bagi melaksanakan kajian ini, beberapa objektif telah digariskan iaitu:

1. Mengenalpasti tahap kefahaman pelajar sekolah rendah terhadap konsep makanan halal.
2. Mengenalpasti tahap kesedaran pelajar sekolah rendah terhadap konsep makanan halal
3. Mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan makanan halal dalam kalangan pelajar sekolah rendah.

4. KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini dijangka dapat mengenalpasti tahap kefahaman dan kesedaran dalam kalangan pelajar sekolah rendah terhadap pemilihan makanan halal. Selain itu kajian ini juga dijangka dapat mengetengahkan faktor-faktor yang mendorong pelajar membuat keputusan untuk memilih makanan yang halal lagi baik. Hasil kajian ini juga dijangka dapat menyumbang kepada pihak bertanggungjawab dalam meningkatkan kesedaran pemakanan halal kepada umat Islam sejagat.

5. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah berbentuk diskriptif yang bertujuan untuk melihat persepsi pelajar sekolah rendah terhadap makanan halal. Kajian diskriptif bermaksud menerangkan tentang fenomena sesuatu isu semasa (Neil, 2009). Instrumen soal selidik telah digunakan untuk mengumpul maklumat bagi menjalankan kajian ini. Semua maklumat yang diperolehi diklasifikasikan dan dinilai secara kuantitatif.

Populasi dan Sampel Kajian

Populasi dalam kajian ini terdiri daripada pelajar beragama Islam di empat buah sekolah di sekitar negeri Perak. Sampel yang dipilih adalah seperti pada Jadual 1.

Bil	Sekolah	Lokasi Sekolah	Jum Pelajar
1	A	Luar Bandar	55
2	B	Hub Pendidikan	70
3	C	Hub Pendidikan (Sek. Agama)	36
4	D	Luar Bandar (majoriti bukan Islam)	55

Jadual 1: Responden Mengikut Sekolah dan Kawasan

Sampel responden dalam kajian ini dikhususkan kepada pelajar Islam tahun 4, 5 dan 6 disebabkan faktor kematangan dalam memberikan jawapan terhadap soal selidik yang diedarkan dan memudahkan proses pengedaran dan pengumpulan data. Keseluruhan responden berjumlah seramai 216 telah menjadi sampel kajian ini dan set borang soal selidik telah diberikan kepada wakil guru mengikut kelas dari sekolah-sekolah berkenaan untuk diedarkan kepada setiap responden. Seterusnya dilampirkan bersama maklumat tentang profil responden seperti dalam Jadual 2.

Jantina:	Lelaki	Peratus 48.6
	Perempuan	51.4
Umur:	10 tahun	31.9
	11 tahun	44.0
	12 tahun	23.6
Bangsa:	Melayu	97.7
	Lain-lain	2.3
Kawasan Perumahan:	Bandar	58.8
	Luar Bandar	41.2

Jadual 2: Profil Responden

Instrumen Kajian

Semasa melaksanakan kajian ini, data diperolehi daripada dua sumber utama iaitu data primer dan sekunder. Bagi pengumpulan data primer, satu set borang soal selidik menggunakan Bahasa Melayu telah dirangka menjurus kepada tajuk kajian. Borang soal selidik ini mempunyai 4 bahagian utama iaitu:

- Bahagian A: Maklumat Demografi atau latar belakang responden (6 soalan).
- Bahagian B: Kesedaran Terhadap Makanan Halal. (5 soalan)
- Bahagian C: Kefahaman Konsep Makanan Halal. (4 soalan)
- Bahagian D: Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Makanan Halal. (4 soalan)

Kesemua soalan adalah berbentuk soalan aneka pilihan dengan jawapan jenis kategori. Bagi set soalan ini, tiada soalan berbentuk skala Likert seperti mana dalam kebanyakan borang soal selidik lain. Ini kerana, pertimbangan telah dilakukan di mana pelajar sekolah rendah agak sukar untuk menjawab soalan dalam bentuk skala Likert.

Pada bahagian B, bagi mengukur kesedaran terhadap makanan halal, pelajar diuji tentang 5 aspek penting seperti mengenalpasti antara makanan halal dengan yang haram (contohnya 'Adakah babi yang disembelih halal?'), kaedah mengenali makanan halal (iaitu 'Adakah dengan melihat logo atau warna produk?') dan memilih tanda logo yang betul. Kesemuanya terdapat 23 item yang perlu ditanda oleh pelajar. Bilangan jawapan betul akan dijumlahkan untuk memberikan skor kesedaran bagi setiap pelajar. Seterusnya, terdapat 22 item pada bahagian C bagi mengukur kefahaman terhadap aspek-aspek seperti punca makanan haram, cara memilih makanan halal dan pengertian tentang makanan halal, haram dan syubhah. Skor kefahaman ialah jumlah jawapan betul yang ditanda oleh pelajar.

Sepanjang sesi soal selidik dijalankan, tiada masalah besar dihadapi. Semua responden memberikan kerjasama yang baik dan borang-borang soal selidik yang diedarkan telah dikembalikan dengan lengkap. Walaubagaimanapun, hanya sedikit masalah dialami iaitu penyelidik terpaksa mengkhususkan satu sesi khas untuk para pelajar menjawab borang soal selidik, ditambah pula kumpulan penyelidik perlu turut memantau semasa sesi berjalan. Pemantauan ini juga turut dibantu oleh guru kelas yang terlibat. Dari satu sudut yang lain, keadaan ini memberikan kesan yang baik yang mana responden dapat menjawab dengan lebih berhati-hati. Pengumpulan data sekunder pula adalah daripada sumber rujukan buku, majalah, artikel, jurnal, tesis, kertas kerja konferens dan juga dari laman web tertentu sebagai maklumat tambahan.

6. ANALISA DAN KEPUTUSAN

Analisa yang telah dijalankan adalah berdasarkan kepada tiga objektif yang telah ditetapkan. Berikut adalah hasil analisis mengikut objektif kajian.


Responden yang dikaji terdiri daripada 49% murid lelaki dan 51% murid perempuan. Mereka berumur 10 tahun (32%), 11 tahun (44%) dan 12 tahun (24%), di mana hampir kesemuanya berbangsa Melayu (98.6%). Dari segi kawasan perumahan pula, lebih ramai murid yang tinggal di kawasan bandar (59%) berbanding yang tinggal di kawasan luar bandar (41%).

Jadual 3 menunjukkan statistik bagi beberapa isu pemakanan halal. Kajian mendapati bahawa peratusan murid yang dapat mengenalpasti logo halal yang betul adalah sangat tinggi. Ini adalah sesuatu yang sangat memberangsangkan. Namun begitu, dapatan bahawa lebih 50% murid memilih makanan halal berdasarkan kepada label "Buatan Malaysia". Situasi ini agak membimbangkan kerana tidak semua makanan yang berlabel 'Buatan Malaysia' itu adalah sebenarnya halal. Begitu juga makanan yang mempunyai tulisan jawi yang agak banyak berada di pasaran belum tentu status kehalalannya.

Isu	Peratusan
Peratus murid yang kenal <u>logo halal</u> yang tepat dalam menentukan makanan halal	92%
Peratus murid yang memilih makanan halal dengan memerhatikan ciri Terdapat label "BUATAN MALAYSIA"	53%
Peratus murid yang memilih makanan halal dengan memerhatikan ciri 'Label makanan yang mempunyai tulisan jawi'	28%
Peratus pelajar yang faham bahawa 'Makanan yang haram boleh berpunca daripada cara pemprosesan dan penyediaan'	55%
Peratus pelajar yang faham bahawa 'Makanan yang haram boleh berpunca daripada penyembelihan dan cara penyembelihan'	60%

Jadual 3: Statistik Beberapa Isu Pemakanan Halal

Rajah 1 menunjukkan tahap kefahaman dan kesedaran berdasarkan skor item bagi bahagian B dan C daripada borang soal selidik.



4. Rajah 1: Skor Kesedaran dan Kefahaman


5.

Merujuk kepada Rajah 1(a), skor kesedaran terendah yang diperolehi adalah 13, skor tertinggi adalah 23 (seorang pelajar mendapat semua betul), manakala paling ramai menjawab 20 item dengan tepat. Ini adalah keputusan yang memberangsangkan dan menunjukkan bahawa tahap kesedaran tentang makanan halal dalam kalangan pelajar adalah tinggi. Sebaliknya, bagi skor kefahaman (rujuk Rajah 1(b)), kebanyakan pelajar mendapat skor 14 sahaja daripada 22. Ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang ketara antara tahap kefahaman dan kesedaran dalam kalangan pelajar sekolah rendah. Faktor lain yang menyebabkan skor kefahaman rendah juga mungkin disebabkan oleh soalan bahagian kefahaman yang agak sukar untuk dijawab oleh pelajar kerana pilihan jawapan yang agak terperinci. Contoh soalan yang dikenalpasti agak sukar adalah seperti berikut:

- Makanan yang haram berpunca daripada
- ☐ penyembelihan dan cara penyembelihan
 - ☐ cara pemprosesan dan penyediaan
 - ☐ status kebersihan alat yang digunakan untuk memproses
 - ☐ percampuran bahan yang halal dan haram


Jawapan yang tepat bagi soalan tersebut adalah kesemua pilihan di atas. Namun, hanya 60% responden mengenalpasti item 'penyembelihan dan cara penyembelihan' sebagai punca makanan yang haram, 55% memilih item 'cara pemprosesan dan penyediaan', 36% sahaja memilih item 'status kebersihan alat yang digunakan untuk memproses', dan 69% responden mengenalpasti item 'percampuran bahan yang halal dan haram' sebagai punca makanan haram. Maka boleh dikatakan hampir separuh responden tidak peka bahawa makanan yang haram boleh berpunca daripada cara pemprosesan dan penyediaan, atau daripada penyembelihan dan cara penyembelihan (rujuk Jadual 3). Analisis bahagian ini memberitahu kita bahawa kesedaran tentang perlunya memilih makanan halal sudah ada seawal peringkat sekolah rendah lagi, namun ilmu tentang konsep makanan halal masih belum mencukupi untuk mereka benar-benar mengenalpasti yang mana satu makanan halal.

Seterusnya, kajian ingin menentukan samada skor kesedaran dan kefahaman berbeza mengikut sekolah. Rajah 2 menunjukkan bahawa skor kesedaran bagi sekolah-sekolah A, B dan C adalah hampir sama, yang mana skor bagi sampel pelajar dari sekolah agama yang terletak di hub pendidikan adalah yang tertinggi. Sebaliknya, skor bagi sekolah D agak ketara lebih rendah, yang mana Sekolah D mempunyai majoriti pelajar bukan Islam. Persekitaran sedemikian mungkin memberi kesan ke atas kesedaran pelajar. Menariknya tiada perbezaan ketara mengenai kefahaman pelajar tentang makanan halal di antara sekolah.



Rajah 2: Skor Kesedaran dan Kefahaman Mengikut Sekolah


Rajah 3 menunjukkan hasil kajian terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar sekolah rendah memilih makanan halal.




Rajah 3: Faktor Pemilihan Makanan Halal.

Kedua-dua Rajah 3 di atas menunjukkan pengaruh ibu bapa sangat besar dalam memperkenalkan makanan halal dan juga yang menentukan pemilihan makanan halal untuk pelajar. Selain daripada ibu bapa, guru juga memainkan peranan penting dalam hal ini. Ini membuktikan ibubapa dan guru perlu mempunyai ilmu tentang makanan halal kerana pelajar di peringkat ini banyak bergantung kepada mereka. Berdasarkan analisis ini juga, didapati faktor lain seperti televisyen, kawan-kawan dan adik beradik tidak begitu memberi kesan terhadap pemilihan makanan halal pada pelajar sekolah rendah.

Rajah 4 menunjukkan hasil kajian dari aspek kaedah paling berkesan maklumat pemakanan halal diperolehi dan peranan media dalam isu ini.



Rajah 4: Pilihan Murid tentang Kaedah Paling Berkesan untuk mendapat Maklumat Pemakanan Halal



Rajah 5: Media yang digunakan oleh Murid untuk mendapatkan Maklumat tentang Pemakanan Halal

Mengenai kaedah untuk mendapat maklumat tentang makanan halal, sekali lagi majoriti responden memilih ibubapa sebagai kaedah paling berkesan (rujuk Rajah 5). Tidak dinafikan media boleh memainkan peranan untuk menyebarkan maklumat tentang pemakanan halal dalam kalangan masyarakat. Kajian mendapati bahawa televisyen dan internet merupakan media paling berpengaruh dalam penyebaran maklumat mengenai makanan halal dalam kalangan murid sekolah rendah (rujuk Rajah 5).

KESIMPULAN

Tujuan utama kajian ini adalah untuk menjalankan satu kajian analisis deskriptif terhadap tahap kesedaran dan kefahaman terhadap makanan halal dalam kalangan pelajar sekolah rendah. Melalui kajian ini didapati tahap kesedaran mereka agak tinggi, namun tahap kefahaman masih lagi kurang. Ini menunjukkan bahawa ilmu mengenai makanan halal ini perlu dijelaskan dengan lebih terperinci seawal peringkat sekolah rendah lagi, memandangkan mereka sudah mempunyai tahap kesedaran yang agak tinggi. Selain daripada itu analisis juga menunjukkan bahawa ibu bapa merupakan faktor yang paling banyak mempengaruhi para pelajar berkenaan makanan halal dan haram.

Oleh itu dapat dirumuskan bahawa dapatan kajian ini dapat membantu pihak bertanggungjawab dalam meningkatkan kesedaran dan kefahaman pemakanan halal kepada umat Islam sejagat bagi melahirkan generasi yang hebat serta menonjolkan Malaysia sebagai hub halal global yang disegani.

RUJUKAN

Abdul Basit Samat@Darawi dan Sahilah Mohd Rodzi, 2010. Persepsi Pelajar Fakulti Pendidikan Terhadap Makanan Berlogo Halal, Kertas Kajian, Universiti Teknologi Malaysia.

Al-Qaradhawiyy, Yusuf, 1994. *al-Halal wa al-Haram Fi al-Islam*. Bayrut: Maktabah al-Islami

Golnaz, R Zainalabidin, M., Mad Nasir, S. dan Eddie Chiew, F.C, 2010. *Non Muslim's Awareness of Halal Principles and Related Food Products in Malaysia*, International Food Research Journal 17:667-674.

JAKIM, 2012. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Antara Tuntutan Agama Dan Strategi Ekonomi. (<http://www.islam.gov.my/halal>)

Lokman Abdul Rahman, 2009. *Isu Pemakanan Halal Tiada Penghujung*. Melaka:Alambaca Sdn Bhd.

Mohd Yadman Sarwan dan Mazlah Yaacob, 2009. "Halalan Toyyiba: Peluang dan Cabaran Malaysia Dalam Tamadun Dunia Moden" dalam Prosiding Seminar Kebangsaan Ketamadunan Islam (NaSIC 09) Ipoh, 8 -9 Disember 2009

Wan Asma' Wan Abu Bakar, Ahmad Fauzee Abdullah, Kalsom Awang, Russanani Hassan, Sarirah Che Rose, Titek Sobah Suyub, 2010. *Wacana Syariah & Undang-Undang*. Shah Alam: UPENA

Yuhanis Abdul Azizi dan Chok Nyen Vui, 2012. 2012-3rd International Conference On Business And Economic Research (3rd ICBER), ISBN: 978-967-5705-05-2.